



14 Oktober 2020
14 October 2020
P.U. (A) 302

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA
(PENGECUALIAN INDIVIDU)
(PERJANJIAN-PERJANJIAN MUKTAMAD ANTARA
MALAYSIA AIRLINES BERHAD DENGAN
JAPAN AIRLINES CO. LTD.) 2020

*MALAYSIAN AVIATION COMMISSION
(INDIVIDUAL EXEMPTION) (DEFINITIVE AGREEMENTS
BETWEEN MALAYSIA AIRLINES BERHAD AND
JAPAN AIRLINES CO. LTD.) ORDER 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA 2015

PERINTAH SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA
(PENGECUALIAN INDIVIDU) (PERJANJIAN-PERJANJIAN-MUKTAMAD ANTARA
MALAYSIA AIRLINES BERHAD DENGAN JAPAN AIRLINES CO. LTD.) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 51(2) Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [*Akta 771*], Suruhanjaya membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pengecualian Individu) (Perjanjian-Perjanjian Muktamad antara Malaysia Airlines Berhad dengan Japan Airlines Co. Ltd.) 2020**.

(2) Perintah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai 9 Disember 2019 dan hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh hingga 8 Disember 2022.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “pihak kepada Perjanjian-Perjanjian Muktamad” ertinya suatu pihak kepada Perjanjian-Perjanjian Muktamad dalam perenggan 3, yang secara individu merujuk kepada Malaysia Airlines Berhad atau Japan Airlines Co. Ltd., dan “pihak-pihak” hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Pengecualian individu

3. Suruhanjaya memberikan pengecualian individu berkenaan dengan Perjanjian-Perjanjian Muktamad yang berikut daripada larangan di bawah seksyen 49 Akta:

(a) Perjanjian Perikatan antara Malaysia Airlines Berhad dengan Japan Airlines Co. Ltd. bertarikh 1 April 2020;

(b) Perjanjian Usaha Sama antara Malaysia Airlines Berhad dengan Japan Airlines Co. Ltd. bertarikh 1 April 2020; dan

- (c) Perjanjian Perkongsian Hasil antara Malaysia Airlines Berhad dengan Japan Airlines Co. Ltd. bertarikh 1 April 2020.

Syarat bagi pengecualian individu

4. Pengecualian individu yang diberikan di bawah Perintah ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa pihak-pihak kepada Perjanjian-Perjanjian Muktamad tidak boleh beroperasi dengan menggunakan nama yang sama.

Obligasi di bawah pengecualian individu

5. (1) Jika apa-apa perubahan atau pindaan dibuat kepada Perjanjian-Perjanjian Muktamad, termasuk apa-apa perubahan kepada pihak-pihak kepada Perjanjian-Perjanjian Muktamad, salah satu pihak hendaklah memfailkan perubahan atau pindaan itu secara bertulis dengan Suruhanjaya dalam masa dua minggu dari tarikh perubahan atau pindaan itu dibuat.

(2) Apabila diminta oleh Suruhanjaya, pihak-pihak kepada Perjanjian-Perjanjian Muktamad hendaklah menjadikan tersedia kepada Suruhanjaya apa-apa dokumen atau maklumat yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan yang disediakan di bawah Perjanjian-Perjanjian Muktamad dalam bentuk dan mengikut cara dan dalam tempoh, sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Dibuat 30 September 2020
[MAVCOM/LSRD/EO/2020/002; PN(PU2)725/III]

DATUK SERI HAJI SARIPUDDIN HAJI KASIM
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia

MALAYSIAN AVIATION COMMISSION ACT 2015

MALAYSIAN AVIATION COMMISSION
(INDIVIDUAL EXEMPTION) (DEFINITIVE AGREEMENTS BETWEEN MALAYSIA
AIRLINES BERHAD AND JAPAN AIRLINES CO. LTD.) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 51(2) of the Malaysian Aviation Commission Act 2015 [Act 771], the Commission makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysian Aviation Commission (Individual Exemption) (Definitive Agreements between Malaysia Airlines Berhad and Japan Airlines Co. Ltd.) Order 2020**.

(2) This Order is deemed to have come into operation for the period from 9 December 2019 and shall continue to be in operation for the period until 8 December 2022.

Interpretation

2. In this Order, “party to the Definitive Agreements” means a party to the Definitive Agreements in paragraph 3, individually referring to Malaysia Airlines Berhad or Japan Airlines Co. Ltd., and “parties” shall be construed accordingly.

Individual exemption

3. The Commission grants an individual exemption in respect of the following Definitive Agreements from the prohibition under section 49 of the Act:

(a) Alliance Agreement between Malaysia Airlines Berhad and Japan Airlines Co. Ltd. dated 1 April 2020;

(b) Joint Business Agreement between Malaysia Airlines Berhad and Japan Airlines Co. Ltd. dated 1 April 2020; and

(c) Revenue Sharing Agreement between Malaysia Airlines Berhad and Japan Airlines Co. Ltd. dated 1 April 2020.

Condition of the individual exemption

4. The individual exemption granted under this Order is subject to the condition that the parties to the Definitive Agreements shall not operate under a common name.

Obligations under the individual exemption

5. (1) Where any variation or amendment is made to the Definitive Agreements, including any change to the parties to the Definitive Agreements, either party shall file such variation or amendment in writing with the Commission within two weeks from the date of the making of the variation or amendment.

(2) Upon request by the Commission, the parties to the Definitive Agreements shall make available to the Commission any document or information relating to the aviation services provided under the Definitive Agreements in such form and manner and within such period, as determined by the Commission.

Made 30 September 2020
[MAVCOM/LSRD/EO/2020/002; PN(PU2)725/III]

DATUK SERI HAJI SARIPUDDIN HAJI KASIM
Executive Chairman
Malaysian Aviation Commission